

Tetapi utamakan musyawarah buat keputusan kerajaan

Saya sedia ditegur – PM

Um- 28/10/2006

Oleh ROSNI HASSAN dan AZMAN IBRAHIM

MELAKA 27 Okt. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau sedia menerima teguran terhadap kerajaan pimpinannya, namun sebarang keputusan dibuat dengan mengutamakan proses musyawarah.

Perdana Menteri menegaskan, amalan itu menjadi pendekatan beliau selama ini kerana cara itu akan memudahkannya melaksanakan apa jua perancangan yang dibuat demi kepentingan rakyat dan negara.

Tegasnya, sebarang keputusan yang dibuat bukan keputusan beliau sendiri, sebaliknya dilaksanakan setelah mengambil kira pandangan semua pihak yang berkaitan.

“Dalam jemaah menteri, dalam Majlis Tertinggi (MT) Barisan Nasional (BN), ada pandangan berbeza dengan saya, bukan tak ada... ada, tetapi saya utamakan musyawarah dalam membuat keputusan.

“Itu cara saya. Apabila keputusan yang dibuat adalah keputusan kita semua, mudahlah untuk kita laksanakan (sesuatu yang dirancang),” katanya.

Perdana Menteri berucap pada Jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri Melaka 2006 Bersama Perdana Menteri di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini hari ini.

Lebih 10,000 orang menghadiri majlis yang pukul 3 petang itu untuk bersama-sama meraikan lebaran bersama Perdana Menteri.

Hadir sama ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Fong Chan Onn serta pemimpin-pemimpin negeri ini.

Abdullah berkata, beliau percaya dengan kerjasama daripada semua pihak termasuk anggota Kabinet, MT UMNO dan BN, sesuatu yang ingin dilaksanakan akan menjadi lebih mudah.

Tambahnya, apa yang penting ialah semua pihak memahami bahawa sesuatu yang ingin dibuat itu adalah keputusan bersama dan

Sambungan dari muka 1

Saya sedia ditegur – PM

bukan keputusan beliau seorang.

Perdana Menteri turut mengulangi bahawa pertemuannya dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Sri Perdana, Putrajaya, Ahad lalu, berlangsung dalam suasana baik.

“Tak ada bertengkar, bergaduh,” katanya sambil menjelaskan bahawa beliau memberi peluang sepenuhnya kepada Dr. Mahathir untuk meluahkan apa jua yang tersirat dalam hati bekas Perdana Menteri itu.

Sebab itu, tambah Abdullah, dalam pertemuan yang ber-

langsung selama dua jam itu beliau tidak banyak berhujah dengan Dr. Mahathir yang bercakap selama satu jam setengah.

“Ada satu jam setengah, fikir-lah, kalau saya menyampuk tentulah beliau kata nak jumpa saya untuk luahkan segala-galanya, tetapi Pak Lah dok men-celalah.

“Saya tak ganggu (semasa Tun meluahkan perkara yang ingin dinyatakan), tapi lepas satu setengah jam apabila beliau berhenti, saya masuk berhujah,” katanya.

Menurut Abdullah, dalam

pertemuan itu, Dr. Mahathir bercakap banyak perkara termasuk mengenai negara polis, gangguan keluarga, ekonomi dan hal yang ada hubung kait dengan jambatan di Johor.

Dalam hubungan ini, katanya, beliau berpuas hati kerana Dr. Mahathir diberi kesempatan untuk menyatakan segala yang ingin diluahkannya.

Abdullah, bagaimanapun, berasa kurang puas hati kerana tidak mempunyai masa yang cukup iaitu hanya setengah jam untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir.